

Raja Muda Perlis Harap Melaka Terus Kongsi Kepakaran, Pengalaman Dengan Perlis
Bernama
7 Januari , 2012

MELAKA, 7 Jan (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berharap kerajaan negeri Melaka terus memberi input untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman dengan kerajaan Perlis bagi menjadikan Perlis sebuah negeri maju.

Baginda bertitah Perlis yakin dapat mencontohi Melaka, yang mencapai status negara maju pada 2010, dalam masa yang terdekat.

"Walaupun Melaka dan Perlis mempunyai kerjasama sedia ada, namun ada beberapa aspek menjadi harapan saya supaya Kerajaan Negeri Melaka terus berkongsi kepakaran dengan kerajaan Perlis," titah titah baginda pada majlis taklimat mengenai 'Melaka Negeri Maju', di pejabat Yang Dipertua Negeri Melaka di Ayer Keroh Sabtu.

Turut hadir Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Wira Omar Kaseh dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Datuk Azizan Hamid.

Taklimat kepada rombongan Raja Muda yang dalam lawatan kerja ke Melaka selama tiga hari bermula semalam disampaikan Timbalan Setiausaha Kerajaan Melaka (Pembangunan), Datuk Zainal Husin.

Titah Raja Muda, antara yang patut difokuskan adalah kerjasama strategik dalam bidang teknologi hijau dan kerjasama pengurusan Kerajaan Tempatan dan Perbandaran, terutamanya dalam aspek keindahan fizikal dan persekitaran.

"Ini kerana Melaka sedang giat melaksanakan Dasar Teknologi Hijau melalui visi 'Negeri Bandar Teknologi Hijau' dan saya yakin Perlis akan turut berjaya menjadi sebuah negeri maju dalam masa terdekat ini," titah baginda.

Baginda turut mengharapkan perkongsian maklumat dan konsep pembangunan projek tebusguna persisiran pantai yang berjaya dilaksanakan di Melaka dan kerjasama dalam pembangunan dan pengurusan produk-produk pelancongan berimpak tinggi.

Melaka dan Perlis kini mempunyai kerjasama sedia ada seperti melalui Majlis Perniagaan Bersama Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMTGT) dan penyediaan Indikator Perlis Maju serta input daripada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka bagi membantu penyediaan Pelan Strategik Pembangunan Negeri Perlis yang kini dalam proses penyediaan.

Raja Muda Perlis dan 80 anggota rombongan turut melawat Kompleks Sukan Tun Fatimah di Bukit Serindit, Menara Taming Sari Sari di Bandar Hilir dan pada sebelah petang dijadual menaiki beca di kawasan sejarah Bandar Hilir yang menempatkan A Famosa, Bukit St Paul serta Istana Kesultanan Melaka.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638534>